



TEKS UCAPAN
YBRS DR. TS. DR. SITI A'IASAH BINTI HASHIM
KETUA PENGARAH
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA

MAJLIS PENYERAHAN BENIH PADI NUKLEAR NMR 152
SEBAGAI PROJEK TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT
(CSR)
NUKLEAR MALAYSIA DI ROMPIN, PAHANG

TARIKH: 18 MAC 2021 (KHAMIS)

MASA: 10.00 PAGI

TEMPAT:
SAWAH SKIM PAYA LAKA, JALAN SELENDANG, 26800 KUALA
ROMPIN, PAHANG

Bismillahirrahmannirrahim

Terima kasih saudara/saudari pengacara majlis pada pagi ini;

YANG BERHORMAT DATO' SRI HAJI MOHD JOHARI BIN HUSSAIN
ADUN Tioman

YANG BERUSAHA DR. ABDUL RAHIM BIN HARUN
Timbalan Ketua Pengarah (Teknikal)
Agensi Nuklear Malaysia

YANG BERUSAHA ENCIK MOHD FAIZUL BIN MIRAN
Pengarah IADA ROMPIN

YANG BERUSAHA PUAN NOR EDASURIATI BINTI IBRAHIM
Timbalan Pengarah Pertanian Pengambangan

Para Hadirin,

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh (WBT)

Salam sejahtera dan Selamat pagi

1. Alhamdulillah, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Solallahu A'laihi Wassalam dan bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izinNya

masih lagi kita dipanjangkan umur serta diberi kesihatan yang baik, untuk sama-sama menghadiri majlis pada **Majlis Penyerahan Benih Padi Nuklear NMR 152 Sebagai Projek Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Agensi Nuklear Malaysia di Rompin, Pahang.**

2. Terlebih dahulu, sekalung tahniah dan terima kasih diucapkan kepada pihak urusetia dari Agensi Nuklear Malaysia dan IADA Rompin yang telah memberi komitmen yang sepenuhnya berkerjasama dalam merealisasikan program ini. Saya dimaklumkan bahawa majlis ini telah dirancang dalam beberapa hari sahaja dan alhamdulillah, majlis ini berjaya juga untuk dilaksanakan akhirnya. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada para petani dan wakil media yang sudi meluangkan masa untuk hadir ke majlis ini. Penglibatan tuan -tuan dan puan-puan dalam majlis ini amat besar maknanya buat Nuklear Malaysia.

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT AGENSI NUKLEAR MALAYSIA

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

3. Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) bukanlah satu perkara baharu di Malaysia. Sejak dari Rancangan Malaysia ke Sembilan (RMK-9), Kerajaan telah menekankan kerjasama erat di antara sektor korporat dan Kerajaan dalam usaha mencapai

- keseimbangan sosioekonomi Negara bagi memastikan kesejahteraan rakyat terbela dan tidak sahaja tergalas di bahu sebelah pihak semata-mata.
4. Justeru, apabila dimaklumkan bahawa petani-petani di Rompin, Pahang memerlukan bantuan segera terhadap penanaman padi setelah kawasan penanaman mereka terjejas akibat daripada bencana banjir yang telah melanda negeri-negeri di pantai Timur Semenanjung Malaysia terutamanya di Negeri Pahang, Agensi Nuklear Malaysia mengambil langkah proaktif untuk menghulurkan bantuan sebagai salah satu Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dengan menyalurkan sebanyak 306 beg iaitu 20kg setiap beg benih padi Nuklear NMR 152 iaitu produk penyelidikan Agensi Nuklear Malaysia.

VARIETI BAHARU PADI NMR151 DAN NMR152 BERJAYA MENAMBAHBAIK PENGELUARAN HASIL PADI TEMPATAN

5. Beras merupakan makanan ruji penduduk Malaysia, kadar sara diri atau *self-sufficiency level* (SSL) pengeluaran padi negara ketika ini adalah sekitar 70%. Dengan perubahan iklim dunia, tanaman terdedah pada persekitaran ekstrim dan penyakit baharu tanaman mungkin wujud dan sukar dikawal, yang boleh mengurang dan menjejaskan hasil tanaman. Dalam menangani masalah ini, maka teknologi pembaikbakaan, penanaman dan

- pengeluaran tanaman harus lebih efisien untuk menghasilkan tanaman berkualiti dengan hasil yang tinggi.
6. Bagi merealisasikan hasil tersebut, Agensi Nuklear Malaysia telah mengambil langkah proaktif dengan penghasilan varieti baharu padi NMR151 dan NMR152 yang merupakan produk hasil kajian biak baka mutasi sinaran di Malaysia yang mempunyai ciri-ciri agronomi yang sangat diperlukan oleh petani dan telah diperakukan oleh Jawatankuasa Bantuan Kerajaan Kepada Industri Padi dan Beras (JKBKKIPB, MAFI) sebagai padi sah negara. Hasil penyelidikan dari projek IRPA (Intensification of Research In Priority Areas), eSciencefund, E_DANA MOSTI (R&D Fund) dan MOSTI Social Innovation (MSI) Fund) ini boleh membantu industri padi melalui peningkatan pengeluaran hasil dan pendapatan petani di negara ini.
 7. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih saya ucapkan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan inovasi (MOSTI) kerana telah menyalurkan dana penyelidikan untuk membangunkan varieti ini daripada peringkat penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan.

KERJASAMA STRATEGIK PENYELIDIKAN

8. Untuk makluman YBhg. Dato', Tuan-tuan dan puan-puan, Nuklear Malaysia telah menjalinkan kerjasama penyelidikan dan pengkomersialan dengan syarikat Haji Md. Nor Bin Haji Abd Rahman (M) Sdn. Bhd. yang terletak di Sekinchan, Selangor. Kerjasama ini adalah untuk mengembangkan variety padi yang dibangunkan Nuklear Malaysia supaya boleh dikomersialkan mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh kerajaan Malaysia.

9. Nuklear Malaysia turut bekerjasama dengan pelbagai agensi lain termasuk MARDI, UKM, UPM, Jabatan Pertanian, IADA dan UiTM dalam pelbagai aspek kajian tanaman padi. Diharap kerjasama strategik menggunakan teknologi nuklear dalam pengeluaran tanaman dan pembangunan varieti baru boleh merancakkan lagi industri padi di negara ini. Nuklear Malaysia juga bekerjasama agensi antarabangsa seperti IAEA dan Japan Atomic Energy Agency (JAEA) di bawah Platform Forum Nuclear Cooperation in Asia (FNCA) untuk penyinaran biji benih padi menggunakan teknologi ion beam.

PENUTUP

11. Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program CSR ini. Terima kasih dan penghargaan kepada pihak IADA Rompin yang telah

bersama menjayakan majlis ini dan program CSR kepada kumpulan sasar.

12. Akhir kata dengan lafaz Bismillahi rahmani rahim saya dengan ini merasmikan Majlis Penyerahan Benih Padi Nuklear NMR 152 Sebagai Projek Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Nuklear Malaysia di Rompin, Pahang.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik Walhidayah.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.